
Zon sesar Bukit Berapit

ZAITON HARUN

Jabatan Geologi

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi

Di tepi lebuh raya Ipoh-Cangkat Jering tersingkap jalur granit tersesar dalam granit porfir. Jalur sesar dicirikan oleh milonit dan breksia sesar. Milonit mengandungi kekanta asimetri, berjurus hampir T-B dan sesar berjurus serupa, memotong milonit tersebut sehingga menerbitkan pola jalinan.

Porfiroklas kuarza dan feldspar bertindak sebagai butiran yang tahan terhadap canggaan mempamerkan beberapa kriteria yang boleh digunakan untuk penentuan hala pergerakan sesar. Ciri-ciri mikrostruktur yang terpamer itu sesuai ditafsirkan sebagai metamorf fasies skis hijau.